



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT SULIT 60.1 / (60)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

28 Mac 2025
27 Ramadan 1446H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

TAWARAN MENGIKUTI KURSUS PENGUKURAN DAN PEMETAAN TOPOGRAFI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengendalikan Peperiksaan Bahagian I untuk orang berartikel yang masih dalam tempoh berartikel bagi kursus Pengukuran dan Pemetaan Topografi pada **5 hingga 27 Mei 2025** bertempat di LJT, Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Bukit Beruntung untuk kerja lapangan.

2. Calon yang berjaya akan dikenakan bayaran kursus sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM 3,000.00). Namun, calon dikehendaki membayar Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus (RM 1,500.00) sahaja. Manakala baki bayaran selebihnya termasuk fi peperiksaan akan ditanggung oleh pihak LJT.
3. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di borang *Google form*, <https://forms.gle/qmmVLZF86jkViWwj8> mulai **28 Mac 2025 (Jumaat)** dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan pada **11 April 2025 (Jumaat)**. Hanya permohonan yang dibuat secara atas talian sahaja yang akan dipertimbangkan manakala permohonan yang lewat dan tidak teratur akan ditolak.
4. Sebarang kos makan, penginapan dan perjalanan bagi menghadiri kursus ini adalah di bawah tanggungan sendiri.
5. Hanya calon yang berjaya sahaja akan ditawarkan surat dan dihubungi oleh pihak LJT. Calon yang tidak dihubungi selepas dua (2) minggu daripada tarikh tutup tawaran kursus dianggap **tidak berjaya** dan surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh pihak LJT.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia